



**EKSPORT, IMPORT DAN PERTUMBUHAN EKONOMI  
DI NEGARA ASIA TERPILIH**

**NURUL 'AIN BINTI MOHAMED**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2011**

**EKSPORT, IMPORT DAN PERTUMBUHAN EKONOMI  
DI NEGARA ASIA TERPILIH**

**NURUL 'AIN BINTI MOHAMED  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
PENGAJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2011**

## PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

Tarikh 12.05.2011



NURUL 'AIN BINTI MOHAMED (UK17302)

## DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399B) is the result of my own finding, except where otherwise stated other sources are acknowledge by giving references is appended.

Date 12.05.2011



NURUL 'AIN BINTI MOHAMED (UK17302)

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, kertas projek ini dapat disempurnakan dan segala masalah yang dihadapi dapat diatasi. Kejayaan kertas projek ini adalah hasil kerjasama daripada pelbagai pihak di mana segala sumbangan dan bantuan tersebut amat tidak ternilai dan sangat dihargai.

Ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada penyelia kertas projek saya, iaitu Dr. Nur Azura Sanusi yang telah memberi pelbagai panduan dan tunjukan ajar serta dorongan dalam usaha menyiapkan kertas projek ini. Sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan banyak membantu saya dalam menyempurnakan kajian yang dilakukan.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada kedua ibu bapa serta keluarga yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan sepanjang saya menyiapkan kajian yang telah dilakukan sepenuhnya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan dan pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kertas projek ini.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dan menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan sempurna. Diharap laporan ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada mana-mana pihak yang memerlukannya.

Sekian terima kasih.

Nama: Nurul 'Ain Binti Mohamed

Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)

Email: [ain\\_ateh88@yahoo.com](mailto:ain_ateh88@yahoo.com)



## ABSTRAK

Kajian ini mengkaji tentang kegiatan eksport dan import serta kesannya kepada pertumbuhan ekonomi di Negara-negara Asia terpilih bagi tempoh 1975 sehingga 2008. Eksport merujuk kepada aktiviti pertukaran barangan atau perkhidmatan dari sebuah negara ke negara lain. Manakala kegiatan import pula merujuk kepada sesuatu barang atau perkhidmatan yang dibawa dari negara lain ke dalam negara tersebut. Bagi sesebuah negara, kegiatan eksport memandu kepada KDNK bagi negara tersebut. KDNK bermaksud jumlah nilai pasaran keseluruhan barang dan perkhidmatan terakhir yang dikeluarkan dalam sesebuah negara pada masa tertentu. Ia juga mengambil kira jumlah nilai yang dicampur pada setiap peringkat pengeluaran untuk barang dan perkhidmatan terakhir yang dihasilkan dalam sesebuah negara pada masa tertentu, dan diberi dalam nilai wang. Matlamat kajian ini ialah untuk menganalisis tren kegiatan eksport dan import, hubungan antara eksport dan import serta pertumbuhan eksport kepada KDNK bagi negara-negara terpilih di Asia. Skop kajian ini tertumpu kepada kegiatan eksport dan import bagi negara-negara terpilih di Asia bagi tempoh 30 tahun iaitu dari tahun 1975 sehingga 2005. Antara negara-negara Asia yang terlibat dalam kajian ini ialah Armenia, Azerbaijan, Bangladesh, Bhutan, Bahrain, Cambodia, China (Hong Kong), China (Macao), Fiji, India, Indonesia, Iran, Israel, Korea, Japan, Jordan, Kazakhtan, Kuwait, Mongolia, Myanmar, Malaysia, Nepal, Oman, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Qatar, Rusia, Sri Lanka, Arab Saudi, Turki, Thailand dan Vietnam. Kajian ini menggunakan data sekunder yang terdiri daripada data kegiatan eksport, import dan pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara Asia terpilih sepanjang 30 tahun iaitu dari tahun 1975 sehingga 2008 yang diperolehi daripada Bank Dunia. Analisis data yang digunakan adalah deskriptif, ujian punca unit (kepengunaan data), ujian kointegrasi panel Pedroni, ujian VEC dan ujian kointegrasi Johansen-Fisher iaitu untuk menguji hubungan jangka panjang dan jangka pendek bagi setiap pemboleh ubah eksport, import dan pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian menunjukkan negara seperti Bangladesh, Arab Saudi, Sri Lanka, Republik Arab Syria dan Thailand mempunyai hubungan jangka panjang manakala negara-negara lain hanya mempunyai hubungan jangka pendek. Ujian penyebab Granger pula diaplikasikan untuk mengkaji arah hubungan bagi setiap pemboleh ubah tersebut. Hasil dapatan diperolehi menunjukkan eksport memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi dalam satu hala sahaja. Manakala eksport dan import mempunyai kesan penyebab dua hala.

## ABSTRACT

This study examined the export and import activities and their impact on economic growth in selected Asian countries for the period 1975 to 2008. Exports refer to the activities of the exchange of goods or services from one country to another. While the import activity refers to goods or services from other countries brought into the country. For a country, export activities lead to the GDP of the country. GDP means the total market value of all final goods and services produced within a country at a particular time. It also takes into account the total value added at each stage of production for final goods and services produced within a country at a particular time, and given the amount of money. The aim of this study was to analyze the trend of export, import and GDP growth activities, the relationship between exports and imports, and exports to GDP growth for selected countries in Asia. The scope of this study focused on the activity of exports and imports for selected countries in Asia for the past 30 years, from 1975 to 2005. Among the Asian countries involved in this study are Armenia, Azerbaijan, Bangladesh, Bhutan, Bahrain, Cambodia, China (Hong Kong), China (Macao), Fiji, India, Indonesia, Iran, Israel, Korea, Japan, Jordan, Kazakhstan, Kuwait, Mongolia, Myanmar, Malaysia, Nepal, Oman, Pakistan, Papua New Guinea, Philippines, Qatar, Russia, Sri Lanka, Saudi Arabia, Turkey, Thailand and Vietnam. The data collection consists of selected Asia countries from 1975 to 2008 that covers 30 years obtained from the World Bank. Data analysis used are descriptive, the unit root test (stationary of data), Pedroni panel co integration test, VEC test and co integration tests of Johansen-Fisher to test the long term and short term for each variable in exports, imports and economic growth. Results showed that countries such as Bangladesh, Saudi Arabia, Sri Lanka, Syrian Arab Republic and Thailand have a long term relationship, while other countries only have a short term relationship. Granger cause the test was applied to study the between variables. The findings showed a positive effect on export growth in one direction only. The exports and imports have caused bilateral effects.